



Daripada Penawar kepada  
**Krisis**  
 Bahan Psikotropik  
 Menjadi **Ancaman**

Bahan psikotropik atau psikoaktif yang juga dikenali sebagai psikofarmaseutikal ialah bahan kimia yang mampu mengubah fungsi otak dan menyebabkan perubahan dalam persepsi, emosi, kesedaran, kognitif atau tingkah laku. Beberapa kategori dadah psikoaktif yang mempunyai nilai terapeutik termasuklah anestetik, analgesik, antikonvulsan dan ubat yang digunakan untuk merawat gangguan neuropsikiatri seperti antidepresan, ansiolitik, antipsikotik dan ubat-ubatan perangsang yang pemberiannya ditetapkan oleh doktor atau pegawai perubatan. Walau bagaimanapun, bahan ini mempunyai potensi untuk disalahgunakan apabila diambil bagi tujuan mendapatkan kesan bukan terapeutik atau bukan perubatan.

Penyalahgunaan dadah atau bahan psikotropik untuk mendapatkan kesan keseronokan dalam bentuk euforia atau khayalan merupakan masalah sosial yang membimbangkan di seluruh dunia. Bahan ini juga berpotensi menyebabkan kebergantungan secara fizikal dan psikologi selain kesan had terima atau *tolerance* yang meningkat kepada penggunaanya.

Implikasi ini menunjukkan bahawa penggunaan dadah secara berterusan bukan sahaja menyebabkan kebergantungan, malah menyebabkan pengguna ketagih akan dos yang lebih tinggi dari semasa ke semasa untuk mendapatkan kesan yang sama. Masalah ini juga mengakibatkan ketagihan dan kerosakan pada sistem saraf dan otak sehingga seseorang

itu tidak dapat berfungsi dengan baik dalam kehidupan seharian.

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun turut tidak terlepas daripada dibelenggu oleh masalah sosial ini. Seperti yang diketahui umum, implikasi pengambilan dadah bukan sahaja memberikan kesan kepada individu itu sendiri, malah mampu meruntuhkan institusi kekeluargaan dan membawa masalah dalam masyarakat melalui aktiviti kekerasan dan jenayah.

Maka itu, secara tidak langsung, permasalahan ini turut memberikan ancaman kepada keamanan, keharmonian dan kemajuan sesebuah negara. Oleh sebab itu, wajarlah Kerajaan Malaysia mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara sejak tahun 1983 lagi. Kini, setelah lebih berpuluh-puluh tahun berlalu dan pelbagai kempen dan usaha yang melibatkan banyak agensi kerajaan, sektor perniagaan dan organisasi dijalankan, krisis dadah ini masih belum dapat dibendung sepenuhnya, malah menjadi semakin serius.

Menurut laporan daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), kadar penyalahgunaan dadah di Malaysia semakin meningkat apabila 160 000 penagih dadah direkodkan di seluruh negara bagi sembilan bulan pertama (Januari hingga September) pada tahun ini. Angka ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 31.6 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Antara dadah atau bahan kimia psikoaktif yang direkodkan termasuklah opiat (heroin, morfin dan metadon), amfetamina (syabu, ais, pil kuda dan ekstasi), ganja, ketamina, benzodiazepina (midazolam, diazepam dan alprazolam) dan dadah jenis lain antaranya ketum. Menurut statistik terkini daripada AADK juga, dadah bagi kategori perangsang jenis amfetamina atau *amphetamine-type stimulants* (ATS) merekodkan penggunaan yang tertinggi, iaitu sebanyak 119 410 kes, diikuti dengan

dadah kategori opiat sebanyak 38 854 kes, ganja sebanyak 6750 kes dan akhir sekali diikuti dengan pil psikotropik dan kategori dadah jenis lain yang masing-masing merekodkan penggunaan sebanyak 2563 dan 2114 kes.

### ATS

ATS ialah sekumpulan dadah perangsang (psikoperangsang) sintetik yang terdiri daripada prekursor amfetamina, termasuklah amfetamina dan metamfetamin. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menganggarkan terdapat lebih daripada 35 juta pengguna ATS pada tahun lalu dan menjadikannya antara jenis dadah terlarang yang paling kerap disalahgunakan di seluruh dunia.

Populariti ATS telah meningkat dengan ketara dalam kalangan penduduk Asia disebabkan oleh peralihan pasaran yang pesat daripada penggunaan dadah berasaskan tanaman kepada dadah jenis sintetik. Seterusnya, pertumbuhan bekalan telah menyebabkan penurunan harga ATS, lalu meningkatkan kemampuan memiliki dan popularitinya dengan lebih banyak pengguna dadah beralih daripada jenis opiat kepada ATS.

Hingga kini, Asia Tenggara telah menjadi pengeluar bahan kimia sintetik terbesar di dunia apabila ATS mudah diakses melalui pasaran gelap. Di Malaysia, laporan daripada AADK sendiri menunjukkan bahawa penyalahgunaan bahan perangsang telah melebihi penyalahgunaan opiat sejak tahun 2017. Hal ini menjadikan ATS sebagai kategori dadah atau bahan terlarang yang paling banyak disalahgunakan setakat ini.

Metamfetamin (nama ringkasnya, *meth*) atau nama lainnya ais, *chalk*, *glass*, *speed* atau kristal ialah bahan berbentuk serbuk, manakala yang berbentuk pil digelar WY, pil kuda, pil yaba dan pil go. *Meth* dalam bentuk kristal dianggap sebagai bahan yang paling berkesan kerana senang diserap ke dalam darah apabila dihidu dan lebih laju daripada kesan pengambilan *meth* jenis pil. *Meth*

kristal biasanya dipanaskan dan wapnya disedut selain boleh disuntik selepas dilarutkan di dalam air.

*Meth* boleh menyebabkan ketagihan dan memudaratkan. Hal ini dikatakan demikian kerana *meth* ialah sejenis bahan kimia yang mempunyai kesan yang paling ketara terhadap sistem saraf (otak dan saraf tunjang) yang boleh menyebabkan mabuk, khayal, ketagih, gangguan tingkah laku dan sebagainya.

Antara kesan serta-merta pengambilan dadah jenis ATS termasuklah khayal, tidak mengantuk, tidak lapar ataupun letih. Lama-kelamaan, dadah ini akan menyebabkan kebergantungan yang berpanjangan sehingga mengganggu fungsi sosial. Gejala ini terjadi kerana dadah jenis ATS akan merembeskan neurotransmitter dopamina, iaitu sejenis bahan kimia yang merangsang sel otak, sekali gus "melimpahi" pengguna dengan perasaan yang begitu menyenangkan.

Pengambilan yang berterusan lambat-laun akan mengakibatkan had terima bagi kesan keseronokan (euforia atau khayalan) menjadi semakin berkurangan dan lebih banyak pengambilan bahan yang diperlukan untuk mencapai kesan khayalan yang optimum. Penagih dadah jenis perangsang ini kemudiannya akan bertukar kepada cara yang lebih ekstrem, iaitu dengan menyuntik atau menghisap dadah ini walaupun sebelumnya hanya menelan atau menyedut untuk mendapatkan kesan khayal dan seronok dengan lebih cepat.

Kesan buruk yang dialami oleh pengguna dadah jenis perangsang adalah seperti mulut kering, berpeluh secara berlebihan, anak mata menjadi besar, menggeletar dan sakit kepala. Selepas kesan khayal hilang, pengguna akan berasa gelisah, gementar, kebingungan, halusinasi, cepat marah dan mampu bersifat ganas.

Penagih juga akan mengalami kesusutan berat badan, mempunyai kudis akibat tabiat menggaru-garu

kulit kerana menyangkakan serangga merayap pada kulit atau berada dalam kulit mereka. Pengguna juga akan mengalami gangguan sistem penghadaman akibat kebuluran serta bahan toksik yang terdapat dalam dadah. Gejala ketagihan turut menyebabkan penagih mengabaikan kesihatan, pemakanan dan tidur yang sempurna, mengalami kemurungan yang teruk, syak wasangka tanpa sebab, garang, pemarah, berpotensi melakukan keganasan yang tidak terkawal dan berkelakuan psikotik (seperti gila).

Selain mengalami kesan sakit mental dan emosi, pengguna *meth* juga banyak menyumbang kepada masalah sosial. Hasil penyelidikan mendapati bahawa pengguna *meth* sering melakukan seks bebas tanpa perlindungan dan terdedah kepada jangkitan virus kurang daya tahan (HIV) yang menyebabkan sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS), hepatitis dan penyakit kelamin.

Pengambilan *meth* juga mencetuskan penagih untuk bertindak di luar pemikiran rasional. Akibatnya, penagih cenderung melakukan kekerasan seperti mencederakan orang lain, termasuklah keluarga sendiri dan berani melakukan jenayah seperti rompakan, rogol, mahupun pembunuhan yang menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah dalam masyarakat.

### Opiat

Opiat ialah sekumpulan dadah yang bertindak balas terhadap reseptor opiat (tapak penerima kesan tindakan hormon) di dalam badan, terutamanya sistem saraf dan saluran pencernaan. Opiat merupakan ubatan tradisional yang diekstrak daripada tumbuhan popi (*Papaver somniferum*) seperti morfin dan kodeina yang biasanya diberikan oleh doktor atau pengamal perubatan untuk melegakan kesakitan.

Faedah klinikal opiat sebagai agen penahan sakit membawa kepada pembangunan ubat opiat sintetik seperti metadon dan heroin.

Pengambilan bahan psikoaktif jenis ini akan membuatkan penggunaanya menjadi khayal dan akhirnya membawa kepada kebergantungan yang berpanjangan.

Apabila seseorang itu bergantung pada dadah jenis heroin, badan mereka telah terbiasa dengan kesan dadah tersebut. Apabila mereka tidak menggunakan bahan ini untuk tempoh masa tertentu, badan mereka mula mengalami kesakitan seperti kegelisahan, berasa seram sejuk, mata dan hidung berair, kekejangan otot dan sendi, muntah, hilang selera makan, insomnia serta peningkatan debaran dan denyutan jantung. Gejala ini disebut gejala penarikan, yakni keadaan yang berlaku apabila paras dadah heroin mula berkurangan di dalam badan.

Penggunaan heroin akibat dorongan nafsu yang kuat boleh menyebabkan perkembangan pergantungan yang kronik yang dicirikan dengan ketidakupayaan individu untuk menghentikan penggunaannya, walaupun diketahui akan mengakibatkan kesan yang membahayakan dari segi kesihatan dan sosial. Bagi mengelakkan gejala penarikan yang menyakitkan itu, penagih akan menggunakan opiat secara berulang-ulang. Akibatnya, bilangan individu yang terjejas akibat gangguan penggunaan opiat semakin meningkat.

Terdapat banyak laluan pemberian dadah jenis opiat ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan penggunaanya lebih gemar menggunakan suntikan intravena kerana kesan bahan yang lebih cepat dan bioketersediaan yang lebih tinggi. Hal ini meningkatkan risiko untuk mereka dijangkiti HIV dan mengakibatkan peningkatan penularan HIV dalam masyarakat.

Selain jangkitan HIV, penyalahgunaan bahan ini, terutamanya melalui cara suntikan mengakibatkan kesan buruk kepada badan seperti kegagalan jantung, radang hati (hepatitis B dan hepatitis

C), kemurungan, kecelaruan mental, kebergantungan dan gejala penarikan yang teruk seperti kekejangan otot dan sendi, sakit perut, muntah dan cirit-birit yang serius. Kesan dos opiat yang berlebihan pula boleh menyebabkan retensi urin, halusinasi, delirium, hipotermia, pernafasan terhenti dan sawan.

Maka itu, tidak hairanlah jika isu penyalahgunaan dan ketagihan opiat telah lama diiktiraf sebagai isu global yang serius. Selain peningkatan kadar masalah kesihatan, masalah penyalahgunaan dan kebergantungan serta ketagihan opiat juga dikaitkan dengan peningkatan kadar masalah kesihatan mental, aktiviti jenayah dan kemerosotan sosial yang ketara.

### Ganja

Ganja dan hem merupakan spesies tumbuhan daripada keluarga kanabis. Kanabis mengandungi pelbagai sebatian kimia yang dikenali sebagai *cannabinoid*.

Dua jenis *cannabinoid* yang utama ialah *tetrahydrocannabinol* (THC) dan *cannabidiol* (CBD). Berbeza daripada THC, CBD dilaporkan menunjukkan kesan pengaktifan yang sangat rendah bagi reseptor *cannabinoid* CB1 dan CB2. Oleh sebab itu, CBD tidak mempunyai sifat memabukkan dan secara tradisinya dianggap sebagai bahan bukan psikoaktif.

Hem yang mengandungi peratusan CBD lebih tinggi berbanding dengan THC biasanya dijual dalam bentuk minyak, suplemen, ekstrak dan pelbagai lagi. Selain itu, hem digunakan untuk tujuan perindustrian seperti penghasilan kertas, pakaian, bahan pembinaan, bahan bakar, bahan makanan, minyak, makanan haiwan dan lain-lain. Kini, kebanyakan negara telah membenarkan penanaman dan pemprosesan hem yang mengandungi tahap THC yang agak rendah sebagai suatu industri.

Terdapat banyak kajian yang melaporkan bahawa ganja memiliki potensi perubatan dalam merawat pelbagai penyakit, antaranya HIV,

AIDS, insomnia, kanser dan asma. Para penyelidik telah mengesahkan bahawa THC memberikan kesan yang paling ketara melalui tindakannya pada reseptor *cannabinoid* CB1 dan CB2 yang terdapat pada otak dan sistem saraf.

Oleh hal yang demikian, THC telah mendapat perhatian yang meluas kerana kesan psikotropik (memabukkan) yang sering dicari oleh pengguna ganja secara rekreasi atas keupayaannya bertindak sebagai agonis separa untuk reseptor *cannabinoid*. Melalui pengaktifan pada reseptor tersebut, THC akan meningkatkan pembebasan dopamina dan menghasilkan kesan psikotropik kepada penggunaanya.

Produk yang berasal daripada ganja, sama ada untuk tujuan perubatan atau rekreasi digunakan dalam pelbagai cara, termasuklah merokok atau menyedut daripada rokok, paip, paip air dan makan atau minum produk makanan dan minuman atau mengewapkan produk. Mod yang berlainan ini juga disesuaikan dalam penggunaan produk ganja yang berbeza seperti "tunas" ganja (bunga ganja kering); resin ganja (hasyis); dan minyak ganja (minyak butana dan lilin).

Oleh sebab THC ialah bahan utama dalam ganja yang mengubah persepsi dan menyebabkan badan berada dalam keadaan santai, maka THC boleh menyebabkan pengguna ganja mengalami kesan seperti berasa lali dengan persekitaran, cemas dan curiga, hilang kawalan diri dan berasa mengantuk apabila kesan THC telah hilang. Penyalahgunaan ganja dalam jangka masa panjang dan kerap boleh menyebabkan daya ingatan dan kebolehan berfikir terjejas.

Kesan buruk dalam jangka masa panjang juga menyebabkan pengguna ganja menjadi malas dan antisosial. Pada kebiasaannya, pengguna ganja tidak akan menyedari kesan tersebut tetapi ahli keluarga dan rakan akan menyedari perubahan yang berlaku.

### Kemunculan dan Penyalahgunaan Bahan Psikoaktif Baharu

Antara trend baharu yang membimbangkan termasuklah kemunculan dan penggunaan bahan bukan perubatan yang dikenali sebagai bahan psikoaktif baharu atau *new psychoactive substances* (NPS). Terkini, NPS juga dikenali sebagai *designer drugs* atau *legal highs*.

Secara definisinya, NPS merujuk dadah atau bahan yang belum dikawal di bawah undang-undang sedia ada (Konvensyen Dadah Narkotik 1961 atau Konvensyen Substan Psikotropik 1971 dan lain-lain) yang boleh menyebabkan ketagihan dan kesan sampingan yang teruk serta mendatangkan ancaman kesihatan awam. Dadah jenis NPS bukan bermaksud dadah yang baru ditemukan kerana terdapat dadah di bawah kategori NPS yang sudah berada dalam pasaran sejak 40 tahun lalu.

Struktur kimia bagi kebanyakan dadah NPS adalah berdasarkan sebatian yang diekstrak daripada kajian literatur bioperubatan atau paten, manakala yang lain ialah analog ubat terlarang atau ubat yang dipreskripsi. Dadah jenis ini dicipta untuk meniru kesan dadah yang sedia ada dan biasanya dicipta untuk mengelakkan daripada undang-undang kawalan dadah sedia ada.

NPS termasuk dalam kategori perangsang, *cannabinoid*, depresan dan halusinogen. Antara contoh dadah NPS termasuklah ketum, flakka, khat, kanabis sintetik (K2 dan spice), *cathinone* dan lain-lain.

NPS yang berada dalam pasaran menghasilkan kesan subjektif yang

menyerupai bahan di bawah kawalan antarabangsa seperti kanabis, heroin, metamfetamin, ekstasi dan sebagainya dengan potensi kesan buruk yang serius dan berupaya mengancam nyawa. Antara gejala buruk yang berlaku akibat penggunaan NPS termasuklah takikardia, hipertermia, psikosis, tingkah laku ganas, koma dan berupaya mengakibatkan kematian.

Menurut kajian oleh United Nations Office on Drugs and Crime pada tahun 2012, negara Asia merupakan pengguna kedua terbesar dadah jenis ini selepas Amerika Syarikat. Selain itu, banyak negara Asia telah menjadi pengeluar utama dadah NPS sintetik disebabkan oleh kemajuan dalam teknologi pembuatan dan seterusnya dipasarkan untuk pengedaran ke seluruh dunia melalui Internet. Penyalahgunaan dadah jenis ini yang semakin mudah diperolehi melalui Internet menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat berikutan kesan serius penggunaannya terhadap pembangunan sosial dan ekonomi.

Selain itu, pasaran dadah NPS sentiasa berubah-ubah



apabila terdapat banyak dadah baharu yang muncul. Hingga kini, terdapat lebih 800 jenis dadah NPS yang telah dikesan, sama ada yang semula jadi ataupun sintetik. Jumlah tersebut juga dijangkakan meningkat.

Jelaslah bahawa penggunaan dadah jenis NPS juga dapat mengancam kesihatan awam kerana tiada kawalan kualiti dalam pembuatan atau pembungkusannya. Kesan biologinya juga tidak diketahui apabila dadah jenis tersebut mula muncul dalam pasaran dadah rekreasi. Di samping itu, kesan sampingan dadah NPS boleh menjadi lebih berbahaya kerana melibatkan campuran kimia yang kuat dan tidak diketahui jenis serta dosnya.

**Program Rawatan dan Pemulihan Dadah**

Perubahan trend penggunaan dadah, termasuklah penggunaan ubat-ubatan, bahan psikoaktif dan jenis dadah kategori NPS lain yang berada dalam pasaran semasa menyebabkan negara ini kini berhadapan dengan beberapa cabaran dalam usaha merawat pulih penagih dadah.

Pemulihan penagihan dadah

memerlukan usaha sepanjang hayat kerana ketagihan dadah merupakan penyakit kronik yang mudah berulang dan berpanjangan.

Individu yang terlibat dalam penagihan dadah boleh dipulihkan dan mampu berhenti daripada menggunakan dadah. AADK menyediakan rawatan dan pemulihan yang komprehensif melalui pendekatan pemulihan dalam institusi dan pemulihan dalam komuniti. Penekanan juga diberikan kepada pelaksanaan rawatan perubatan, program psikososial, latihan kemahiran dan kerjaya selain penerapan kerohanian dan keagamaan.

Rawatan perubatan, iaitu Rawatan Terapi Gantian (RTG) dengan menggunakan metadon ialah program *harm reduction* yang terkenal untuk pengguna opiat. Program ini adalah untuk mengelakkan jangkitan virus bawaan darah (HIV, hepatitis B dan hepatitis C) yang berpunca daripada perlakuan berisiko tinggi penagihan seperti berkongsi jarum suntikan.

RTG metadon merupakan pemberian ubat preskripsi (sirap metadon) di bawah pengawasan pegawai perubatan. Metadon menggantikan opiat seperti heroin dan morfin melalui pemberian dos yang sesuai yang akan mengurangkan ketagihan dan mencegah gejala penarikan.


Metadon juga merupakan dadah sintetik yang mempunyai kesan yang sama seperti heroin atau morfina, yakni melibatkan pengikatan kepada reseptor opiat tetapi tidak memberikan kesan euforia seperti dadah asal. Oleh sebab itu, rawatan metadon akan mengurangkan atau menghilangkan tindak balas heroin di dalam badan. Memandangkan metadon perlu diambil secara oral, tindakan ini sekali gus dapat mengatasi pelbagai masalah yang dikaitkan dengan penggunaan dan perkongsian alat suntikan.

Hingga kini, metadon ialah ubat agonis opiat sintetik yang paling biasa digunakan untuk merawat gejala penarikan dan mengurangkan kebergantungan pada opiat. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa rawatan Terapi Gantian Metadon (TGM) mempunyai kecenderungan untuk menyebabkan penyalahgunaan pelbagai bahan terlarang, termasuklah ATS. Oleh itu, penggunaan ATS yang semakin meningkat dalam kalangan pesakit TGM mampu menjejaskan faedah rawatan metadon.

Selain metadon, buprenorfin yang juga merupakan agonis separa bagi reseptor opiat (mu-reseptor) telah diluluskan untuk rawatan pergantungan opiat. Walaupun ubat pergantungan opiat yang ditetapkan secara rutin mempunyai kesan yang mengurangkan gejala penarikan, bahan tersebut juga dikaitkan dengan isu pematuhan dan kesan sampingan seperti potensi penyalahgunaan dan risiko penggunaan dadah berulang.

**Ketum sebagai Rawatan Ketagihan Dadah**

Ketum atau nama saintifiknya, *Mitragyna speciosa* ialah tumbuhan tropika yang berasal dari rantau Asia Tenggara, khususnya Semenanjung Malaysia dan Thailand. Tumbuhan ini terkenal selama beberapa dekad sebagai ubat herba



tradisional untuk penyakit biasa seperti cirit-birit, batuk, demam, malaria, sakit otot serta melancarkan peredaran darah, prestasi seksual dan merawat diabetes, selain memberikan tenaga dalam meningkatkan produktiviti kerja.

Selain itu, ketum juga telah digunakan sebagai pengganti ketagihan opiat apabila penggunaan terawalnya dalam menggantikan candu telah direkodkan di Malaysia seawal tahun 1895. Kini, ketum telah mendapat perhatian global untuk kesan melegakan kesakitan (analgesik), merawat ketagihan opiat serta pelbagai masalah psikologi (kemurungan, keresahan dan sebagainya).

Cara pengambilan ketum bagi pengguna di rantau Asia Tenggara adalah dengan mengunyah daun tanpa urat yang segar. Seseengah pengguna pula lebih suka memakannya dalam bentuk kering, yakni daun yang dihancurkan ditelan atau dihisap selain diubah menjadi ekstrak atau dibancuh sebagai teh atau rebusan. Berbeza daripada negara Asia Tenggara, negara Barat yang mempunyai akses yang terhad kepada daun ketum segar menggunakan ketum yang dijual dalam bentuk kapsul, tablet dan ekstrak yang boleh diperolehi secara meluas melalui laman web, kedai herba dan kedai tembakau.

Keberkesanan ketum dalam menguruskan kebergantungan dan gejala penarikan opiat telah dilaporkan secara meluas dalam tinjauan literatur. Kandungan utama dalam ketum, iaitu mitraginina yang bertindak sebagai agonis separa apabila mengikat pada reseptor opiat ialah mekanisme yang terlibat dalam mengurangkan gejala tarikan atau ketagihan opiat.

Walaupun kajian klinikal dalam menyokong penggunaan ketum untuk rawatan dadah masih belum tersedia, barisan penyelidik dari seluruh dunia, khususnya dari Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan, Universiti Sains Malaysia telah menghasilkan banyak data saintifik bagi menyokong

penggunaan ketum atau mitraginina dalam menggantikan opiat (morfin) dengan menggunakan model haiwan (tikus). Kajian terhadap potensi kebergantungan pada mitraginina juga turut dijalankan ke atas model tikus apabila hasil kajian menunjukkan kesan penarikan terhadap mitraginina adalah lebih rendah, kurang berpanjangan dan secara kualitatifnya tidak sama dengan kesan penarikan opiat.

Selain itu, kajian turut dijalankan pada haiwan yang secara fizikalnya telah bergantung pada opiat (melalui pemberian morfin yang berterusan secara harian) melalui prarawatan mitraginina yang boleh mencegah daripada berlakunya penarikan opiat apabila pemberiannya telah dihentikan. Hasil kajian ini didapati konsisten dengan laporan daripada kajian manusia bahawa gejala penarikan ketum secara umumnya lebih sederhana dan mampu diuruskan sendiri serta berbeza daripada gejala penarikan opiat. Selain itu, penggunaan ketum, sama ada secara kronik atau tidak juga dilaporkan tidak membawa kepada kemudaratan yang teruk terhadap fungsi kehidupan seharian seperti fungsi pekerjaan, sosial dan lain-lain.

Walaupun terdapat potensi perubatan dan rawatan gantian opiat, penggunaan ketum yang kerap dan secara rekreasi boleh berkembang ke arah penyalahgunaan dan kebergantungan. Ketum mempunyai potensi untuk disalahgunakan kerana penyediaannya yang murah dan bersifat mampu milik serta mudah diperolehi.

Meskipun ketum mungkin dianggap selamat kerana asal usulnya yang semula jadi, potensi risikonya kepada manusia telah ditunjukkan dalam kajian praklinikal dan laporan klinikal yang melaporkan bukti ketoksikan, kesan buruk serta kesan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dan potensi ketagihan. Hal ini telah mencetuskan pelbagai perdebatan dalam kalangan ahli politik di Malaysia bagi menentukan sama ada ketum patut

dikategorikan sebagai bahan terlarang ataupun sebaliknya.

Walaupun laporan klinikal dan data praklinikal telah mencadangkan ciri positif bagi pembangunan ketum sebagai farmakoterapeutik yang berpotensi untuk rawatan kebergantungan opiat, lebih banyak kajian saintifik perlu dijalankan untuk menjelaskan secara terperinci akan potensi terapeutiknya. Oleh itu, nilai ketum sebagai rawatan pengurusan opiat memerlukan pertimbangan saintifik yang teliti dalam menentukan keberkesanan klinikal serta had dos yang selamat untuk digunakan. Selain itu, pelaksanaan undang-undang khas untuk mengawal selia penanaman serta penggunaannya bagi memastikan ekstrak ketum digunakan hanya untuk tujuan penyelidikan dan perubatan moden juga perlu dititikberatkan dan dilaksanakan.

Melangkah ke hadapan, Malaysia berada di persimpangan yang genting dalam usaha memerangi penyalahgunaan bahan psiktropik. Melalui data yang memperlihatkan kes penagihan dadah yang semakin meningkat, jelas sekali bahawa pendekatan tradisional atau konvensional tidak lagi memadai. Oleh itu, tindakan akan datang harus menumpukan kepada pencegahan yang lebih proaktif.

Pada masa yang sama, kerjasama yang erat antara kerajaan, sektor swasta dengan organisasi masyarakat amat diperlukan. Melalui pendekatan strategi yang bersatu dan komitmen yang teguh dalam memerangi masalah ini, Malaysia berpotensi membentuk masa hadapan yang lebih selamat apabila ancaman penyalahgunaan bahan psiktropik tidak lagi menjadi penghalang kepada kesejahteraan hidup rakyat yang pastinya akan selari dengan pembangunan ekonomi dan sosial negara. <sup>48</sup>

**Dr. Norsyifa Harun,  
Pusat Penyelidikan Dadah dan  
Ubat-ubatan,  
Universiti Sains Malaysia.**